

## **Selangor bidas Bersih 2.0, semak fakta sebelum tuduh kerajaan negeri tidak beretika**

**Malaysian Insider**

**April 12, 2013**

**Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 12 April — Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mempertahankan pemberian bonus RM300 kepada penjawat awam dan geran tanah kepada penduduk di Bestari Jaya bukan bertujuan meraih undi dan tidak melanggar etika kerajaan sementara.

Bekas menteri besar Selangor itu juga berkata kumpulan reformasi pilihan raya Bersih 2.0 perlu menyemak fakta terlebih dahulu sebelum menuduh kerajaan negeri Selangor melanggar etika kerajaan sementara.

“Kerajaan Negeri berharap agar Bersih 2.0 menentukan kesahihan semua fakta dan undang-undang dengan terperinci sebelum membuat sebarang tohmahan,” kata Abdul Khalid dalam satu kenyataan media hari ini.

Menurut Abdul Khalid, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah membuat keputusan bagi memberi bonus dan geran tanah tersebut sebelum pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN), dimana sebarang keputusan yang dibuat adalah sah mengikut Perlembagaan Negeri Selangor.

“Perlembagaan Negeri Selangor menyatakan bahawa kerajaan sementara wujud bermula selepas Dewan Negeri Selangor dibubarkan sehingga persidangan pertama Ahli Dewan Negeri yang baru dilantik.

“Oleh itu, kerajaan sementara bebas meneruskan polisi, program serta melaksanakan keputusan yang telah dibuat dalam sidang Dewan Negeri Selangor dan mesyuarat MMKN sebelum Dewan Negeri dibubarkan,” katanya lagi.

Semalam, Bersih 2.0 mengeluarkan laporan daripada jawatankuasa khas tentang pelanggaran etika kerajaan sementara dimana mereka mendakwa kerajaan negeri Selangor telah membuat dua kesalahan iaitu dengan memberi bonus RM300 pada 3 April dan juga memberi geran tanah kepada tiga penduduk kampung di Bestari Jaya pada 7 April.

Walaupun bagaimanapun, Abdul Khalid menegaskan keputusan memberi bonus dibuat pada 3 April manakala pemberian geran tanah tersebut adalah sebahagian sebahagian daripada program pemilikan rumah yang dilancarkan pada 2010.

DUN negeri Selangor telah dibubarkan secara rasminya pada 4 April lalu selepas mendapat perkenan Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Kerajaan negeri Selangor yang pertama mengarahkan ahli mesyuarat negeri dan menteri besarnya memulangkan kenderaan rasmi pada 5 April lalu sebaik pembubaran DUN.

Selain itu, Surat pekeliling Selangor juga dikeluarkan serta menggariskan agar tiada polisi baru, kontrak, projek pembangunan mahupun perlantikan jawatan dibuat semasa menjadi kerajaan sementara.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/selangor-bidas-bersih-2.0-semak-fakta-sebelum-buat-tuduhan-kerajaan-negeri-tidak-beretika/>